

Research Article

Masalah Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Murid Introvert Semasa Pandemik Covid-19

Anjelica Robert¹, Sandra Alan Jok¹, Noor Suhada Nordin¹, Nur Atiqah Mohamad Said¹, Cindy Tiri², Allynna Marie Alphonsus², Vanida Eban³, Mohd Razimi Husin⁴

¹ Pendidikan Kimia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

² Pendidikan Jasmani, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

³ Pendidikan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

⁴ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

Article History

Received:

09.07.2022

Revised:

27.07.2022

Accepted:

03.08.2022

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin

Email:

razimi@fpm.upsi.edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](#)



Abstrak: Introvert bermaksud orang yang bersifat suka memendam rasa, lebih menumpukan perhatian pada diri mereka sendiri, dan tidak suka bergaul dalam kalangan masyarakat atau dunia luar. Secara umumnya orang yang bersikap introvert lebih cenderung untuk menjadi introspektif dan sibuk dengan kehidupan mereka sendiri. Terdapat beberapa kesan berkaitan dengan tingkah laku murid yang berpersonaliti introvert ini antaranya ialah menjejaskan pencapaian akademik, kokurikulum dan mereka akan mempunyai tahap sosial yang rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti strategi yang digunakan oleh guru dan pihak sekolah dalam menyokong pembelajaran bagi murid-murid yang berpersonaliti introvert sepanjang Covid-19. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan diketahui bahawa melaksanakan Project Based Learning (PBL) semasa proses pengajaran dan pembelajaran menjadi salah satu startegi yang boleh menyokong pembelajaran bagi murid-murid yang berpersonaliti introvert semasa proses pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang Covid-19.

Kata Kunci: Introvert, Pengajaran dan Pembelajaran, Project Based Learning.

Teaching and Learning Management Problems for Introverted Students During the Covid-19 Pandemic

Abstract: Introvert means people who like to hide their feelings, focus more on themselves, and do not like to socialize in society or the outside world. In general, people who are introverts tend to be introspective and busy with their own lives. There are several effects related to the behavior of students who are introverts, one of which is affecting academic achievement, co-curricular and they will have a low social level. This study aims to identify the strategies used by teachers and schools in supporting learning for introverted students during Covid-19. Based on the research that has been done, it is known that the implementation of Project Based Learning (PBL) during the teaching and learning process is one of the strategies that can support learning for students who are introverted during the teaching and learning process at home during Covid-19.

Keywords: Introvert, Project Based Learning, Teaching and Learning.



1. Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat [1], introvert bermaksud orang yang bersifat suka memendam rasa, lebih menumpukan perhatian pada diri mereka sendiri, dan tidak suka bergaul dalam kalangan masyarakat atau dunia luar. Menurut Satalina [2] pula, secara umumnya orang yang bersikap introvert lebih cenderung untuk menjadi introspektif dan sibuk dengan kehidupan mereka sendiri. Selain itu, kita juga dapat memahami bahawa personaliti introvert ini merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, dan kebiasaan sebagaimana yang diperkatakan oleh ahli psikologi dalam Nachiappan et al [3].

Masalah pengurusan pengajaran dan pembelajaran bagi murid introvert semasa pandemik covid-19 diambil sebagai tajuk kajian untuk mengenalpasti strategi yang digunakan oleh guru dan pihak sekolah dalam menyokong pembelajaran bagi murid-murid yang berpersonaliti introvert ini.

2. Tinjauan Literatur

2.1. Maksud Introvert

Berdasarkan maksud introvert, dapat difahami bahawa golongan introvert ini lebih memilih untuk bersendirian jika ingin dibandingkan dengan golongan ekstrovert yang lebih bersifat terbuka dan suka berinteraksi dengan orang disekeliling mereka. Antara personaliti yang dimiliki oleh murid di sekolah ialah personaliti introvert namun, golongan ini berada dalam kuantiti yang minimum berbanding murid yang bersifat ekstrovert. Walaupun kita jarang mendengar tentang masalah tingkah laku yang berpunca daripada murid yang berpersonaliti introvert ini, namun tingkah laku murid yang berpersonaliti introvert ini mampu menimbulkan masalah yang berat terutamanya jika ia berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini kerana mereka yang berpersonaliti introvert ini lebih gemar untuk menyiapkan tugas secara bersendirian tanpa mengharapkan bantuan daripada rakan sekelas mereka yang lain. Sikap ini dapat memberikan kesan yang negatif kepada guru dan rakan-rakan sekelas mereka lebih-lebih lagi apabila menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti berkumpulan.

Tidak banyak kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap murid-murid introvert ini. Melalui pencarian dan pembacaan jurnal melalui internet berkaitan dengan pelajar introvert ini, terdapat pengkaji yang mengkaji kesan berpersonaliti introvert ini terhadap akademik, kokurikulum dan sosial mereka di sekolah, mengkaji peranan pihak yang terlibat dalam mengelakkan permasalahan yang berkaitan dengan murid berpersonaliti introvert ini serta memberikan cadangan serta penambahbaikan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan murid berpersonaliti introvert ini [4].

2.2. Pembelajaran Abad ke-21

Pembelajaran murid di sekolah pada masa kini berlandaskan Pembelajaran Abad ke-21 dimana proses pembelajaran dilakukan berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti. Fokus utama bagi PAK21 ini adalah untuk membentuk murid dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan perwatakan mereka. Namun, objektif utama pelaksanaan pembelajaran ini tidak dapat dicapai jika terdapatnya murid yang berpersonaliti introvert. Hal ini kerana mereka bersifat pasif, suka menyendiri dan tidak berkeyakinan dalam berinteraksi. Murid introvert ini juga mempunyai masalah dalam aspek komunikasi. Maka, kajian yang dilakukan pengkaji ini adalah untuk melihat sejauh mana personaliti introvert memberi impak kepada PAK21 ini.

Berdasarkan kajian yang telah pengkaji lakukan, terdapat beberapa kesan berkaitan dengan tingkah laku murid yang berpersonaliti introvert ini antaranya ialah murid introvert ini boleh menjejaskan pencapaian akademik, kokurikulum dan mereka akan mempunyai tahap sosial yang rendah. Hal ini demikian kerana murid introvert ini bersifat pasif dan sukar untuk berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka [4] [5]. Pencapaian akademik mereka akan terjejas disebabkan rasa malu yang ada dalam diri mereka. Ini dapat dilihat apabila mereka berasa segan dan malu untuk bertanya kepada guru atau rakan-rakan mereka apabila mereka tidak memahami apa yang telah dipelajari. Bagi kokurikulum pula, mereka akan mengelak daripada melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan [6] [7] [8]. Hal ini kerana mereka tidak boleh berinteraksi dengan orang lain. Maka, mereka lebih memilih untuk menyendiri dan ini membuatkan tahap sosial mereka semakin rendah.

Bagi aspek disiplin pula, murid introvert ini memiliki disiplin pada tahap yang baik. Hal ini kerana mereka lebih suka menyendiri dan tidak mengganggu orang disekeliling mereka. Namun, tingkah laku murid berpersonaliti introvert ini mampu memberikan kesan yang negatif kepada guru dan rakan-rakan sekelas mereka terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini kerana apabila proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan terdapatnya aktiviti secara

berkumpulan, aktiviti berkumpul ini dapat dilaksanakan namun tidak akan dapat memberikan hasil yang memuaskan kerana tidak ada kerjasama yang diberikan oleh murid introvert ini. Hal ini kerana murid introvert ini lebih cenderung untuk melakukan kerja secara bersendirian dan kurang memberikan kerjasama yang sepatutnya apabila melibatkan aktiviti berkumpul. Murid introvert ini juga dapat memberikan kesan kepada guru. Hal ini kerana guru akan menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti masalah, punca dan cara menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid introvert ini. Murid introvert ini sememangnya memerlukan perhatian dan bimbingan daripada guru melebihi murid normal. Ini bertujuan untuk memastikan murid introvert ini dapat memahami maklumat yang disampaikan.

Kaunselor sekolah, pengetua dan guru sekolah harus memainkan peranan masing-masing dalam menghadapi permasalahan yang melibatkan murid [9] [10] [11] [12]. Kaunselor sekolah mempunyai peranan yang paling penting terutamanya dalam mendekati murid introvert di sekolah. Hal ini kerana kaunselor sekolah sememangnya mahir dalam mengenalpasti pendirian murid yang berbeza-beza. Bagi peranan pengetua pula, pengetua perlu memastikan guru memberikan perhatian kepada keadaan murid. Sebagai contoh, pengetua harus memberikan arahan kepada guru agar sentiasa mengambil tahu permasalahan murid introvert apabila mereka kurang memberi kerjasama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran agar dapat merujuk murid introvert ini kepada kaunselor sekolah. Peranan guru pula adalah untuk membantu murid introvert ini menyelesaikan atau meredakan kerisauan dalam diri mereka [13] [14] [15]. Apabila mereka sukar untuk meluahkan masalah yang mereka hadapi, maka guru seharusnya menjadi pendengar setia kepada permasalahan yang dihadapi oleh mereka.

2.3. Tingkah Laku Introvert

Dalam konteks tingkah laku introvert dan pembelajaran ini, terdapat dua teori yang sering dikaitkan iaitu Teori Psikososial, dan Teori Tiga Faktor (TTF).

Bagi Teori Psikososial, teori ini telah diperkenalkan oleh seorang ahli psikologi terkenal iaitu Carl Jung. Mengikut pandangan beliau, interaksi dan pergaulan bagi seseorang yang introvert dan ekstrovert mempunyai perbezaan yang ketara. Seseorang yang ekstrovert lebih mahir berinteraksi dan bergaul dengan orang di sekeliling mereka jika ingin dibandingkan dengan seseorang yang berpersonaliti introvert yang lebih pemalu dan pasif. Perbezaan personaliti ini membuatkan mereka mempunyai keperibadian dan perwatakan yang berbeza dengan orang lain. Dalam teori ini, ia menekankan pencarian bentuk personaliti seseorang hasil daripada analisis ke atas 16 trait. Teori ini menganalisis tiga bentuk personaliti iaitu neurotisme, psikotisme dan ekstraversi. Bagi analisis neurotisme, ia berfungsi untuk menganalisis tahap kestabilan manusia. Bagi analisis psikotisme pula, ia berfungsi menganalisis daya berfikir seseorang dan analisis ekstraversi pula berfungsi menganalisis bahagian tingkah laku luaran seseorang yang menentukan sama ada seseorang itu mempunyai personaliti introvert ataupun ekstrovert.

3. Metodologi

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif kajian kami ialah dengan menemui responden yang merupakan seorang guru di sebuah sekolah di daerah Tambunan iaitu Cikgu Frenysia Francis yang mengajar mata pelajaran sains. Temu bual bersama responden ini dilakukan secara atas talian melalui google meet. Segala maklumat dan perkongsian daripada responden tersebut telah dirakam untuk dijadikan sebagai panduan dan bukti bahawa temu bual telah dijalankan.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1. Dapatan Kajian

Terdapat sebanyak tujuh soalan yang telah diajukan kepada responden semasa sesi temu bual dijalankan dan tujuh soalan tersebut telah dikategorikan dalam lima kategori utama dalam kutipan data ini iaitu:

1. Cara guru mengenalpasti murid introvert semasa proses pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang Covid-19.
2. Masalah yang timbul berkaitan dengan murid introvert sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam talian.
3. Cara guru menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan murid introvert.
4. Cara guru seimbangkan dan mengalakkan pembelajaran murid introvert dengan murid ekstrovert.

5. Peranan dan strategi yang digunakan oleh pihak sekolah dan guru untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran murid berpesonaliti introvert ini.

Berikut merupakan hasil kutipan data yang diperoleh melalui temubual responden:

1. Cara guru mengenalpasti murid introvert semasa proses pengajaran dan pembelajaran di rumah sepanjang Covid-19.
 - Berdasarkan Project Based Learning (PBL)
 - Murid diminta oleh guru untuk mewujudkan kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang diberikan.
 - Murid introvert dapat dikenalpasti apabila murid introvert ini akan menghantar pesanan ringkas kepada guru melalui aplikasi whatsapp untuk meminta izin melakukan tugas PBL tersebut secara individu.
 - Melihat hasil kerja murid.
 - Hasil kerja murid introvert sangat bagus apabila murid ini melakukan tugas PBL secara individu jika dibandingkan hasil kerja PBL mereka yang dilakukan secara berkumpulan.
 - Hasil kerja yang memerlukan kerja berkumpulan tidak memuaskan.
 - Hasil kerja dihantar pada masa yang ditetapkan jika tugas individu.
 - Hasil kerja yang dilakukan secara berkumpulan lambat dihantar dan tidak memuaskan.
2. Masalah yang timbul berkaitan dengan murid introvert sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam talian.
 - Murid introvert enggan berkongsi tentang apa yang mereka fikirkan.
 - Mereka tidak mahu berkongsi idea dan perkara yang mereka fikirkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang kelas secara atas talian.
 - Murid introvert tidak mahu bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan.
 - Mereka rasa selesa dengan kaedah pembelajaran yang mereka ada dan mereka tidak mahu terlibat dalam aktiviti berkumpulan
 - Jika ada aktiviti berkumpulan, mereka tidak mahu memberikan kerjasama dalam aktiviti tersebut dan mahu bergerak secara bersendirian.
 - Murid mengambil masa yang lama untuk memberikan respon kepada guru ketika diajukan soalan semasa proses pengajaran dan pembelajaran atas talian.
 - Murid tidak memberikan sebarang respon melalui percakapan atau menulis di ruangan mesej sepanjang proses pembelajaran dilaksanakan.
 - Tahap kefahaman murid tidak dapat diketahui kerana tiada sebarang maklum balas yang diberikan.
3. Cara guru menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan murid introvert.
 - Menghantar pesanan secara pribadi terus kepada murid introvert tersebut.
 - Melalui pesanan secara pribadi ini, murid introvert akan merasa lebih selesa untuk berkongsi masalah mereka dalam pembelajaran kepada guru.
 - Murid introvert juga lebih mudah memberikan idea mereka tentang aktiviti yang mereka mampu lakukan.
 - Memberikan lebih awal soalan berkaitan dengan topik yang ingin diajar kepada murid-murid.
 - Murid introvert akan memiliki banyak masa untuk berfikir dan membina jawapan yang memuaskan berkaitan topik yang diberikan.
 - Guru juga akan lebih banyak memantau perkembangan mereka seperti menetapkan masa bagi segala aktiviti yang melibatkan murid introvert ini.
 - Memberikan motivasi dan membina hubungan positif dengan murid introvert ini.

- Hubungan positif yang dibina membuatkan murid introvert ini lebih bersemangat untuk belajar.
 - Murid introvert ini juga akan menghantar pesanan ringkas kepada guru tanpa guru itu sendiri bertanyakan soal kerja kepada murid introvert tersebut.
 - Melaksanakan flip classroom
 - Guru memberikan video kepada murid lebih awal sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
 - Murid akan mempunyai masa untuk mencari idea tentang topik yang akan dipelajari.
 - Semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, guru akan memberikan perhatian kepada 10 minit pertama agar menjadi 10 minit yang bermakna.
 - Melaksanakan pembelajaran terbeza
 - Mengumpulkan murid introvert ini dalam satu kumpulan yang sama.
 - Memberikan strategi pembelajaran yang berbeza dengan murid yang aktif bagi mengoptimumkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
4. Cara guru seimbangkan dan menggalakkan pembelajaran murid introvert dengan murid ekstrovert.
- Melaksanakan quite time moment.
 - Guru akan memberikan soalan yang dipanggil kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kepada murid-murid.
 - Guru akan memberikan masa untuk murid berfikir, menyatakan idea, dan mewajarkan sesuatu situasi soalan tidak kiralah sama ada murid itu introvert mahupun ekstrovert.
 - Murid introvert dan ekstrovert dalam menunjukkan bakat dan keupayaan mereka semasa quite time ini dilaksanakan.
 - Memberi peluang kepada murid introvert menjadi ketua kumpulan.
 - Supaya mereka lebih selesa untuk bergaul dan berkomunikasi dengan orang sekeliling mereka.
 - Setiap murid akan menunjuk cara mereka menjadi ketua kumpulan.
 - Menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan personaliti murid.
 - Menyediakan bahan bantu mengajar mengikut personaliti murid.
 - Kaedah pembelajaran juga dibezakan namun objektifnya adalah sama dengan kaedah pembelajaran murid ekstrovert.
5. Peranan dan strategi yang digunakan oleh pihak sekolah dan guru untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran murid berpersonaliti introvert ini.
- Penggunaan modul
 - Pihak sekolah melaksanakan penggunaan modul bagi mengoptimumkan pembelajaran di rumah sepanjang Covid-19.
 - Guru diminta menyediakan modul itu sendiri dan dalam modul tersebut seolah-olah guru sendiri yang memberikan arahan kepada murid.
 - Melaksanakan PLC
 - Guru akan berbincang sesama mereka tentang murid yang berpersonaliti introvert dalam kelas yang sama mereka mengajar.
 - Guru berkongsi idea dan kaedah yang berkesan sesama mereka bagi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pelajar introvert.
 - Melaksanakan PLC bagi memoptimumkan pembelajaran murid tidak kiralah sama ada introvert mahupun ekstrovert.

4.2. Perbincangan Hasil Dapatan

Berdasarkan hasil dapatan yang telah diperolehi daripada seorang guru yang mengajar di daerah Tambunan semasa sesi temu bual secara atas talian dijalankan, kami dapat mengenalpasti cara yang digunakan oleh guru tersebut dalam mengenalpasti murid yang berpersonaliti introvert. Antara cara

yang digunakan adalah dengan berdasarkan Project Based Learning (PBL) [16]. Bagi pelaksanaan PBL ini, murid akan diminta oleh guru untuk mewujudkan kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Personaliti murid dapat dikenalpasti apabila wujudnya murid introvert yang menghantar pesanan ringkas kepada guru melalui aplikasi whatsapp untuk meminta izin melakukan tugas PBL tersebut secara individu. Selain itu, guru juga melihat kepada hasil kerja setiap murid bagi mengenalpasti personaliti mereka. Kebiasaannya, hasil kerja murid introvert ini sangat bagus apabila ia melibatkan tugas PBL secara individu dan tugas akan dihantar pada masa yang telah ditetapkan jika dibandingkan dengan kerja berkumpulan.

Hal ini juga disokong dengan adanya kajian lalu yang menyatakan bahawa apabila proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan aktiviti secara berkumpulan, aktiviti berkumpulan tersebut dapat dilaksanakan namun tidak akan dapat memberikan hasil yang memuaskan kerana tidak ada kerjasama yang diberikan oleh murid introvert ini.

Bagi permasalahan yang timbul berkaitan dengan murid introvert sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam talian pula antaranya ialah murid introvert ini enggan berkongsi tentang apa yang mereka fikirkan, mereka mengambil masa yang lama untuk memberikan respon kepada guru ketika diajukan soalan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan serta tidak mahu bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan. Permasalahan ini dikenalpasti apabila murid introvert ini enggan berkongsi idea apa yang mereka fikirkan berkaitan topik yang dipelajari tidak kiralah sama ada ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan mahupun ketika melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan. Hal ini kerana mereka rasa lebih selesa dengan kaedah pembelajaran yang mereka ada sehinggakan mereka tidak mahu terlibat dalam aktiviti perbincangan dengan guru dan rakan-rakan mereka yang lain. Murid introvert ini juga mengambil masa yang lama untuk merespon soalan yang diajukan guru malah ada sesetengah daripada mereka yang enggan memberikan sebarang respon sama ada melalui percakapan atau menulis di ruangan mesej. Hal ini membuatkan guru tidak dapat mengenalpasti tahap kefahaman murid tersebut disebabkan tiada maklum balas yang diterima. Ini boleh dikaitkan juga dengan sikap suka menyendiri yang dimiliki oleh murid introvert ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kajian lalu.

Sebagai seorang guru, penyelesaian haruslah difikirkan bagi mengatasi masalah yang melibatkan murid berpersonaliti introvert ini agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Antara cara yang digunakan oleh responden adalah dengan menghantar pesanan ringkas kepada murid introvert tersebut. Sesetengah murid introvert lebih selesa untuk berkongsi masalah yang mereka hadapi dalam pelajaran mereka secara terus dengan guru kerana jika di dalam kelas, mereka merasa malu dengan rakan-rakan mereka yang lain. Mereka juga lebih mudah memberikan idea mereka tentang aktiviti yang bersesuaian dengan mereka. Selain itu, responden juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan flip classroom dimana mereka akan diberikan soalan atau video lebih awal kepada agar mereka dapat memahami apa yang akan dipelajari. Semasa di dalam kelas pula, responden akan memberi perhatian kepada 10 minit pertama agar menjadi 10 minit yang bermakna. Guru boleh memantau perkembangan murid introvert ini seperti dengan menetapkan masa bagi setiap tugas yang diberikan. Seterusnya, memberikan motivasi dan membina hubungan positif dengan murid juga merupakan cara bagi responden mendekati murid introvert ini. Dengan adanya motivasi dan hubungan baik yang terjalin, murid introvert ini akan bersemangat untuk belajar. Hal ini juga memberikan kesan yang positif kepada murid introvert ini terutamanya apabila mereka sendiri yang menghantar pesanan ringkas kepada guru tanpa guru bertanyakan soal tugas yang diberikan. Cara terakhir yang menjadi pilihan responden juga adalah melaksanakan pembelajaran terbeza. Cara ini amat berkesan dengan mengumpulkan murid introvert ini dalam satu kumpulan yang sama dan seterusnya mereka akan diberikan strategi pembelajaran yang berbeza daripada murid lain yang aktif bagi mengoptimumkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Seharusnya, murid berpersonaliti introvert ini perlu didedahkan kepada cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang di sekeliling agar dapat seimbangkan pembelajaran murid introvert dengan murid ekstrovert agar personaliti introvert mereka dapat perbaiki. Responden juga ada berkongsi tentang cara yang digunakan untuk seimbangkan dan mengalakkan pembelajaran murid introvert dengan murid ekstrovert iaitu dengan melaksanakan quite time moment, memberikan peluang kepada pelajar introvert ini menjadi ketua kumpulan serta menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan personaliti mereka. Bagi pelaksanaan quite time moment, murid akan disediakan dengan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan guru akan memberikan masa untuk mereka berfikir, menyatakan idea dan mewajarkan sesuatu situasi tidak kiralah murid itu introvert ataupun ekstrovert. Dengan adanya aktiviti ini, semua murid dapat menunjukkan bakat dan keupayaan mereka

untuk menyelesaikan soalan yang diberikan. Dengan memberikan peluang kepada murid introvert ini menjadi ketua pula, mereka mungkin dapat membina keyakinan dan keselesaan mereka untuk bergaul dan berkomunikasi dengan orang disekeliling mereka, Mereka juga dapat menunjukkan cara yang mereka gunakan apabila menjadi ketua kumpulan. Bagi penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan personaliti murid pula, kaedah ini sememangnya dapat membantu murid-murid untuk lebih memahami topik yang disampaikan oleh guru. Walaupun penyediaan bahan bantu mengajar dan kaedah pembelajaran bagi murid introvert ini adalah berbeza, namun objektifnya adalah sama dengan kaedah pembelajaran bagi murid yang berpersonaliti ekstrovert.

Setiap masalah haruslah diambil berat tidak kiralah sama ada masalah tersebut serius mahupun tidak. Maka, pihak yang bertanggungjawab haruslah mengambil tahu serta memikirkan strategi yang boleh digunakan bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran murid introvert ini sekaligus dapat mengurangkan kesan tingkah laku murid introvert ini dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antara peranan dan strategi yang digunakan adalah pihak sekolah melaksanakan penggunaan modul bagi mengoptimumkan pembelajaran murid-murid di rumah terutama murid yang berpersonaliti introvert. Dengan adanya modul ini, murid akan merasakan bahawa guru mereka sendiri yang memberikan arahan kepada mereka dalam setiap tugas yang terdapat di dalam modul tersebut. Walaupun banyak modul diluar sana, namun tidak semua modul itu boleh membimbing murid sebagaimana yang telah dikatakan oleh pengetua sekolah responden.

Bagi peranan dan strategi yang digunakan guru pula, guru melaksanakan komuniti pembelajaran profesional (PLC). Guru berbincang sesama mereka tentang kaedah yang berkesan dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid yang berpersonaliti introvert ini. Dengan adanya perkongsian sesama mereka, pelaksanaan PLC ini dapat mengoptimumkan pembelajaran murid terutama murid introvert.

Sememangnya, bukan semua murid yang berpersonaliti introvert ini tidak boleh berjaya dalam pelajaran mereka sebagaimana yang sering diperkatakan oleh masyarakat sekeliling. Hal ini kerana kejayaan mereka bergantung kepada diri mereka sendiri tentang bagaimana mereka mahu mengawal tingkah laku introvert mereka itu agar tidak menjejaskan pembelajaran dan hal-hal lain yang berkaitan dengan kehidupan mereka kerana terdapat juga murid introvert yang bijak dan berjaya dalam kehidupan mereka meskipun mereka berpersonaliti introvert.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengkaji tentang murid yang berpersonaliti introvert. Teori personaliti yang berkaitan dengan kajian ini adalah Teori Tiga Faktor (TTF) dan Teori Psikososial. Terdapat perbezaan daripada aspek personaliti bagi setiap murid yang membezakan mereka dengan yang lain. Setiap daripada mereka mempunyai tabiat yang berlainan antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat dari segi perbezaan personaliti murid yang introvert dengan murid ekstrovert. Murid yang berpersonaliti introvert lebih bersifat pasif, pendiam, terlalu banyak berfikir, kurang bertindak serta sukar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang disekeliling mereka.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan melalui pembacaan bahan-bahan ilmiah serta menemui responden, dapat dikenalpasti bahawa personaliti setiap murid dapat dipastikan dengan melaksanakan Project Based Learning (PBL) semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru juga boleh melihat daripada hasil kerja murid berdasarkan kerja individu dan kerja berkumpulan. Melalui cara-cara tersebut, kita dapat mengenalpasti murid-murid introvert ini dengan lebih awal bagi membantu mereka menangani masalah yang timbul berkaitan dengan tingkah laku mereka yang introvert ini.

Meskipun murid yang berpersonaliti introvert ini tidaklah memberikan masalah yang serius seperti masalah disiplin yang lain, namun ianya juga haruslah diambil berat kerana mereka mungkin tidak memberikan gangguan kepada orang disekeliling mereka kerana sifat mereka lebih tertumpu pada diri mereka sendiri. Tetapi, tingkah laku murid introvert ini juga ada kalanya boleh mendatangkan kesan terutama kepada rakan sekelas serta guru-guru mereka. Hal ini dapat dilihat apabila mereka enggan untuk memberikan respon serta berkongsi idea semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas. Mereka juga biasanya akan mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang memerlukan mereka untuk berinteraksi dengan orang lain seperti aktiviti berkumpulan. Hal ini membuatkan guru sukar untuk menilai tahap kefahaman mereka tentang perkara yang diajar. Ini juga mendorong kepada kemerosotan dari aspek akademik, kokurikulum serta sosial mereka.

Justeru, pihak yang bertanggungjawab terutamanya ibu bapa haruslah mengambil berat tentang perkara yang melibatkan anak-anak mereka serta sentiasa berkomunikasi dengan mereka agar

personaliti introvert ini dapat dicegah daripada terbentuk dalam diri anak-anak mereka. Pihak sekolah dan guru juga haruslah mengambil inisiatif yang sewajarnya agak masalah yang melibatkan murid introvert dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dielakkan.

Rujukan

- [1] -, Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- [2] D. Satalina, "Kecenderungan Perilaku Cyberbullying Ditinjau Dari Tipe Kepribadian Ekstrovert dan Introvert," *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan*, vol. 2, no. 2, pp. 294-310, 2014.
- [3] S. Nachiappan, K. Kamaruddin, A. A. Abdul Shukor, R. Jantan, R. Mustapha, and H. Hamzah, *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2009.
- [4] N. H. Hadi, "Pelajar Introvert di Sekolah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 1, no. 1, pp. 1-14, Dec. 2019.
- [5] N. S. Hanim, "Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 1 - 13, Jun. 2019.
- [6] N. Md Hassan, "Perspektif Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 50-56, Aug. 2021.
- [7] N. Md Hassan, M. R. Husin, H. Ahmad, and F. H. Yahya, "Ciri Khas Gaya Pembelajaran Elemen Persekitaran dan Elemen Fisiologi Murid Lemah untuk Belajar dan Memproses Maklumat Baru", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 119-127, Dec. 2021.
- [8] M. Farhan, "Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 1, pp. 1-10, Jun. 2020.
- [9] F. Mahadi, M. R. Husin, and N. Md Hassan, "Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 29-36, Apr. 2022.
- [10] N. Abdul Rahim, N. A. Meor Fadzir, N. A. H. Zaimal, F. F. Arias Yahaya, Z. I. Zainol, and M. R. Husin, "Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 57-66, Aug. 2021.
- [11] D. Wall, A. Richard, N. Qasim and L. Carr, "Evolution of mechanical heart valves," *The Annals of Thoracic Surgery*, vol. 69, no. 5, pp. 1612-1621, 2000.
- [12] N. Laili, S. E. Purwanto, and F. Alyani, "Pengaruh Model Penemuan Terbimbing Berbantu LKPD terhadap Kemampuan Pemahaman Konsep Matematis Siswa SMPN 6 Depok", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 14 - 37, Jun. 2019.
- [13] N. F. Mat Daud, N. A. S. Mat Yusoff, N. H. Mohd Azmi, S. Z. K. Mohd Asri, N. Z. Manisha Zaidi, and M. R. Husin, "Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 67-79, Aug. 2021.
- [14] P. Perumal, M. R. Husin, and S. Nachiappan, "Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 22-28, Apr. 2022.
- [15] R. A. K. Mohamed, A. H. Ali, and M. Nasir, "Aplikasi Ranah Kognitif Anderson & Krahthwohl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pantun di Sekolah Dasar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 110-118, Dec. 2021.
- [16] Cikgu Frenysia Francis, in a personal interview, explained "Pengurusan pengajaran dan pembelajaran bagi murid introvert semasa pandemik Covid-19", June 2022.